



## MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2014

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (CAWANGAN KEDAH)

---

### MODUL 1

#### PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam


---

#### JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul A ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B** .
  2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.
  3. Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan **Bahagian B**.
  4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
  5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
  6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .
  7. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.
- 

Modul soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak 1 halaman tidak bercetak

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keperluan mengikut Hierarki Keperluan Maslow.



- (i) Apakah X? [1 markah]  
OP1/R
- (ii) Jelaskan ciri-ciri keperluan X di atas kepada manusia [5 markah]  
OP1/S
- (b) Gambar 1 menunjukkan sejenis pengeluaran.



Gambar 1

- (i) Apakah jenis pengeluaran tersebut? [ 1 markah]  
OP2/S
- (ii) Jelaskan ciri-ciri pengeluaran di 1 (b) (i). [3 markah]  
OP2/S

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Azmi.

Encik Azmi mengusahakan penternakan ikan keli di Kuala Ketil, Kedah. Kolum ikan beliau terletak di atas sebidang tanah milik keluarga. Oleh kerana permintaan terhadap ikan keli makin meningkat, Encik Azmi telah menambah bilangan kolam ternakannya. Bagi melancarkan pengurusan, Encik Azmi mengambil sepuluh orang pekerja baru yang dikhususkan di bahagian penjagaan kolam ternakan dan pemasaran. Beliau juga telah membuat pinjaman bank untuk membeli lima buah mesin penapis air di kolam ternakan ikan kelinya.

- (i) Terangkan **tiga** faktor pengeluaran yang terlibat dalam penternakan ikan keli tersebut.

[6 markah]

OP2/S

- (ii) Mengapakah Encik Azmi mengamalkan pengkhususan dalam penternakan ikan kelinya?

[5 markah]

- (d) Huraikan perkaitan antara perdagangan dengan perniagaan

[4 markah]

OP2/T

- 2 (a) Gambar 2 menunjukkan dua jenis perniagaan dalam negeri



Gambar 2

- (i) Nyatakan jenis perniagaan A dan perniagaan B? [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **tiga** perbezaan antara perniagaan A dan perniagaan B [ 6 markah ]

- (b) Gambar menunjukkan logo satu bentuk lain peruncitan yang diamalkan oleh Encik Jason Tan, pemilik restoran makanan segera.



- (i) Apakah bentuk peruncitan tersebut? [ 1 markah ]
- (ii) Jelaskan **empat** kelebihan perniagaan di 2(b)(i) kepada Encik Jason Tan. [ 4 markah ]
- (c) Nyatakan **empat** keadaan yang menyebabkan berlaku pengambilalihan fungsi pemborong. [ 4 markah ]
- (d) Jelaskan **dua** perbezaan antara diskaun niaga dengan diskaun tunai [ 4 markah ]
- (e) Situasi berikut berkaitan dengan satu kaedah jualan.

Pasar Mini Mewah Jaya telah beroperasi selama 5 tahun di Bandar Laguna Merbok, Sungai Petani, Kedah. Selain menjual pelbagai jenis barang keperluan harian pengguna, pasar mini ini juga turut memasarkan roti keluaran Syarikat Roti Lazat. Setiap hari pekerja syarikat akan menghantar bekalan roti, mengambil semula roti yang tidak laku dijual dan membayar komisen kepada Pasar Mini Mewah Jaya.

- (i) Apakah kaedah jualan tersebut? [ 1 markah ]
- (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan kaedah jualan di 2(e)(i) kepada Pasar Mini Mewah Jaya. [ 3 markah ]

## 3 (a) Situasi berikut berkaitan Encik Daniel.

Encik Daniel adalah pengusaha kicap di Yan, Kedah. Beliau mengambil 40 orang penduduk sekitar yang tidak berpengalaman sebagai pekerjaanya. Jualan tahun 2013 dicatatkan RM2 juta. Baru-baru ini harga kacang soya yang diimport telah meningkat. Walaupun telah empat tahun beroperasi, pengeluarannya masih rendah, oleh itu beliau ingin membuat pinjaman untuk membeli mesin baru, tetapi bimbang ditolak kerana dia tidak mempunyai cagaran. Keluarannya juga kurang mendapat sambutan kerana terdapat banyak persaingan dari pengeluar lain yang sudah terkenal.

(i) Adakah perusahaan Encik Daniel boleh diklasifikasikan sebagai Industri Kecil dan Sederhana? Beri **empat** alasan.

[5 markah]  
OP1S

(ii) Terangkan **tiga** masalah yang dihadapi oleh Encik Daniel.

[6 markah]  
OP1R

(iii) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu mengatasi masalah di 3 (a) (ii)?

[3 markah]  
OP2T

## (b) Situasi berikut berkaitan dengan jenis milikan perniagaan.

Encik Fazlin dan Encik Man mendapati perniagaan yang dijalankan secara bersama sejak 10 tahun lalu masih tidak dapat berkembang maju kerana masalah kekurangan modal. Encik Fazlin mencadangkan milikan perniagaan mereka ditukar agar dapat mengundang beberapa orang rakan sebagai pemegang syer. Walau bagaimanapun beliau mahu kedudukan kewangan dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.



(i) Apakah jenis milikan perniagaan baru yang dicadangkan oleh Encik Fazlin?

[1 markah]  
OP2R

(ii) Terangkan **dua** kelebihan yang boleh diperoleh daripada pertukaran jenis milikan perniagaan sedia ada kepada 3 (b)(i).

[4 markah]  
OP1S

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis pelaburan diceburi Encik Mazlan, dengan menerima wang gratuiti faedah persaraannya di sebuah jabatan kerajaan.

|   |   |
|---|---|
|  <p><b>KEHIDUPAN YANG DAMAI<br/>DI TAMAN TERATAI MEKAR,<br/>SUNGAI PETANI, KEDAH.<br/>HARGA SERENDAH<br/>RM300 000</b></p> <p>Membeli sebuah rumah banglo di Taman Teratai Mekar, Sungai Petani dengan harga RM300 000 pada 30 Jun 2012. Rumah disewakan dengan sewa bulanan RM700 selama setahun. Harga pasaran semasa rumah itu pada 31 Disember 2013 ialah RM330 000.</p> |  <p>Membeli syer Syarikat Teguh Capital sebanyak 10 000 unit pada RM0.40 seunit syer pada 31 Oktober 2012. Syarikat mengisytiharkan dividen sebanyak 6%. Pada 18 November 2013, syer itu diniagakan di bursa saham pada harga pasaran RM1.30. Nilai tara syer tersebut ialah RM0.20 seunit.</p> |
|---|---|

Kaji maklumat di atas dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Hitung jumlah pulangan pelaburan syer yang akan Encik Mazlan terima jika syernya dijual pada 18 November 2013. [3 markah]  
OP2T
- (ii) Sekiranya Encik Mazlan berhasrat menjual pelaburannya, yang manakah sesuai dicairkan oleh beliau? [3 markah]  
OP3T  
Berikan hujah yang menyokong jawapan anda.

- 4 (a) Berikut adalah logo dua jenis bank.



Bank P



Bank Q

- (i) Apakah jenis bank P dan Bank Q ?  
 (ii) Nyatakan **empat** fungsi bank P.

[2 markah]  
 OP2R  
 [4 markah]  
 OP2S

- (b) Berikut adalah urus niaga Encik Rajan dengan Syarikat Rimba Alam Sdn. Bhd.

1 April 2014 – Belian barang secara kredit RM 4000.  
 15 April 2014 – Menerima Nota Kredit daripada Syarikat Rimba Alam Sdn. Bhd. RM 500.  
 30 April 2014 – Encik Rajan menjelaskan ke semua hutangnya dengan cek berpaling.

- (i) Hitungkan jumlah hutang yang perlu dibayar pada 30 April 2014.  
 (ii) Encik Rajan membuat pembayaran dengan mengeluarkan cek palang am. Beliau mempunyai akaun semasa di Bank Bersatu Alor Setar. Lakarkan cek tersebut.

[2 markah]  
 OP2T  
 [5 markah]  
 OP2T

- (c) Maklumat di bawah berkaitan Encik Teoh.

Encik Teoh menyewa sebuah kedai untuk perniagaan Kedai Alat Telekomunikasi miliknya. Beliau ingin mengambil insurans kebakaran untuk bangunan kedai dan barangniaganya.

- Jelaskan setiap berikut adakah Encik Teoh berjaya menginsuranskan
- (i) bangunan kedai.  
 (ii) barangniaga.

[3 markah]  
 OP2R  
 [3 markah]  
 OP2R

- (d) Situasi di bawah berkaitan Puan Fatin, seorang peniaga.

Puan Fatin baru memulakan perniagaan tekstil. Bagi menghadapi risiko dalam perniagaan, beliau bercadang mengambil polisi insurans untuk melindungi daripada risiko kecurian dan risiko kerugian atas perniagaan. Walau bagaimanapun, syarikat insurans telah menolak salah satu permohonan beliau.

- i) Kenal pasti permohonan manakah yang telah ditolak oleh syarikat insurans tersebut.

*[3 markah]*  
*OP2T*

Beri **dua** alasan.

- ii. Jelaskan **tiga** peranan insurans kepada Puan Fatin.

*[3 markah]*  
*OP2R*



- 5 (a) Dialog berikut berkaitan tentang satu cara penghantaran barang



Mengapakah Puan Suzi memilih sistem penghantaran tersebut?

[6 markah]

OP2/S

- (b) Maklumat berkaitan dengan sebuah agensi pengangkutan darat.

|          |   |
|----------|---|
| <b>X</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan semua kenderaan berada dalam keadaan selamat</li> <li>• Membuat pemeriksaan berkala secara berkelompok</li> </ul> |
|----------|---|

- (i) Apakah agensi **X** ?

[1 markah]

OP2/R

- (ii) Jelaskan **tiga** perkhidmatan yang dijalankan oleh **X**

[3 markah]

OP2/R

- (c) Perbualan di bawah adalah antara Encik Ramli, seorang pengarah syarikat dengan pereka fesyennya Puan Lee di pejabat mereka di Kuala Lumpur.

|             |  |
|-------------|--|
| Encik Ramli | : Puan Lee, tahniah kerana rekaan fesyen anda sangat menarik dan terkini.  |
| Puan Lee    | : Terima kasih, Encik Ramli. Saya harap mereka dapat melihat rekaan dan persembahan produk kita dengan jelas.                          |
| Encik Ramli | : Tolong beritahu setiausaha saya agar bersedia untuk mesyuarat sebentar lagi dengan bakal pelanggan kita yang berada di Tokyo, Jepun. |

- (i) Apakah perkhidmatan komunikasi yang akan digunakan oleh Encik Ramli?

[1 markah]

OP1/S

- (ii) Jelaskan kelebihan perkhidmatan komunikasi di 5(c) (i).

[4 markah]

OP2/S

(d) Gambar 3 berikut menunjukkan perkhidmatan pembayaran Pos Malaysia Berhad.

X



Y

Berikan perbezaan di antara perkhidmatan pembayaran X dan Y.

[4 markah]  
OP2/T

(e) Maklumat berikut berkaitan perniagaan Syarikat Aman Sdn. Bhd.

Syarikat Aman Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kulim Kedah merupakan syarikat pengeluar tekstil untuk pasaran seluruh Malaysia dan Brunei. Syarikat menyimpan bahan mentah serta stok tekstil di tempat pengeluaran sebelum diedarkan. Syarikat juga mengimport kain sutera dari China untuk menghasilkan batik sutera berkualiti tinggi bagi pasaran ke negara Brunei.

Jelaskan jenis gudang yang sesuai digunakan oleh Syarikat Aman Sdn. Bhd. untuk menyimpan

(i) bahan mentah serta stok barang siap

[3 markah]  
OP1/S

(ii) kain sutera dari China yang belum dijelaskan cukai

[3 markah]  
OP1/S

**Bahagian B**

[25 markah ]

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 6 D’Mita Resort Sendirian Berhad ialah sebuah resort di Yan, Kedah. Ia terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Sungai Petani, Kedah. Resort ini mensasarkan pelancong tempatan dan luar negara. Selain bilik penginapan, pengurusan resort juga menyediakan bilik mesyuarat, dewan persidangan bertaraf antarabangsa dan komputer untuk pengurusan maklumat. Resort ini boleh dikunjungi melalui jalan darat.

Resort ini telah membuat promosi melalui pengiklanan di dalam akhbar tempatan. Setelah dua bulan pengiklanan dibuat, tempahan bilik dan dewan belum memuaskan terutamanya dari kalangan pelancong luar negara. Kebanyakan pelanggan membuat tempahan melalui panggilan telefon dan telefaks. Beberapa pelanggan resort ini telah memberi cadangan agar pihak pengurusan membina laman web di dalam internet. Kerajaan juga telah menggalakkan pelancongan dalam negara Malaysia dengan pelbagai kempen seperti ‘*Cuti-Cuti Malaysia*’ dan ‘*Tahun Melawat Malaysia 2014*’.

Memandangkan lokasinya yang strategik berdekatan dengan Gunung Jerai dan beberapa pulau menarik seperti Pulau Bidan, Pulau Songong, pihak pengurusan resort telah dihubungi oleh pegawai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk menganjurkan *Program Budaya Negara-negara ASEAN 2014*. Pada mulanya pihak pengurusan resort enggan menerima tawaran tetapi setelah mendapat penerangan, mereka bersetuju demi kepentingan dan kemajuan resort tersebut di masa akan datang. Penganjuran program tersebut merupakan satu cara mempromosikan resort tersebut di persada dunia.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- |         |  |                       |
|---------|--|-----------------------|
| (a) (i) | Apakah jenis eksport D’Mita Resort Sendirian Berhad?   | [ 1 markah ]<br>OP3/T |
| (ii)    | Terangkan <b>dua</b> kepentingan jenis eksport di 6(a) (i) kepada D’Mita Resort Sendirian Berhad   | [ 4 markah ]<br>OP3/T |
| (b) (i) | Apakah bentuk lain peruncitan yang digunakan oleh D’Mita Resort Sendirian Berhad ?   | [ 1 markah ]<br>OP2/T |
| (ii)    | Terangkan <b>tiga</b> kelebihan bentuk lain peruncitan di 6 (b) (i) kepada D’Mita Resort Sendirian Berhad.                                       | [6 markah ]<br>OP2/T  |
| (c)     | Mengapakah D’Mita Resort Sendirian Berhad menerima tempahan pelanggan melalui  |                       |
| (i)     | Telefon  | [2 markah ]           |
| (ii)    | Telefaks   | [2 markah ]<br>OP2/T  |
| (d)     | Wajarkah D’Mita Resort Sendirian Berhad menerima tawaran penganjuran <i>Program Budaya Negara-negara ASEAN 2014</i> ?<br>Beri <b>tiga</b> alasan | OP4/T<br>[ 4 markah ] |
| (e) (i) | Kemukakan jenis pengiklanan yang sesuai untuk <i>Program Budaya Negara-negara ASEAN 2014</i> .   | [ 1 markah ]<br>OP3/T |
| (ii)    | Terangkan <b>dua</b> tujuan pengiklanan di 6 (e)(ii).  | [ 4 markah ]          |

**KERTAS SOALAN TAMAT**